

18 JUL 2002

INSURANS-MAHATHIR/I

PERSATUAN INSURANS RAI KEJAYAAN MALAYSIA DI BT JALIL 27 JULAI

KUALA LUMPUR, 18 Julai (Bernama) -- Tiga persatuan insurans tempatan akan mengadakan persembahan hiburan untuk tontonan seramai 100,000 orang di Stadium Bukit Jalil di sini pada malam 27 Julai bagi meraikan kemajuan dan kejayaan Malaysia.

"Ia merupakan satu kesempatan untuk meraikan perpaduan kita dan menikmati kepelbagaian dan keunikan kita sebagai rakyat Malaysia," kata jurucakap jawatankuasa penganjur acara itu, hari ini.

Acara yang bertema "Satu Bangsa Kasihi Semua" merupakan satu temasya yang menampilkan perarakan tatu dan persembahan oleh beberapa artis tempatan, jelas beliau.

Penganjur-penganjur acara ini terdiri daripada Persatuan Insurans Hayat Malaysia (LIAM), Persatuan Insurans Am Malaysia (PIAM), Persatuan Kebangsaan Insurans Hayat dan Penasihat Kewangan Malaysia (Namlifa).

Tema kecil acara yang akan bermula pada pukul 6.30 petang itu ialah "Wawasan Kita Untuk Masadepan dalam Membina Negara".

Jurucakap itu berkata, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dan isteri, Datin Seri Siti Hasmah Mohd Ali, telah diundang sebagai tetamu kehormat.

Bayaran masuk bagi menyaksikan acara hiburan itu tidak dikenakan, tetapi tiket nombor bertuah akan dijual dengan harga RM2 setiap satu. Tiket ini melayakkan pemegangnya untuk memenangi hadiah utama cabutan nombor bertuah seperti sebuah kondominium di Bukit Jalil dan sebuah kereta.

Pendapatan daripada jualan tiket ini akan disumbangkan kepada Yayasan AIDS Malaysia dan Majlis Kanser Nasional (MAKNA).

Menurut jurucakap itu, sebuah lagu sepanjang empat minit bertajuk "Satu Bangsa Kasihi Semua", yang digubah oleh Nai Kong dan Mark Lee sementara liriknya ditulis oleh Wan Kelly, akan dinyanyikan pada malam itu. --

BERNAMA

SHY SHY KY OS